

*DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS*

*daripada:  
Setiausaha  
Dewan Undangan Negeri  
Terengganu.*



Hari Isnin  
26 April 1993

NEGERI TERENGGANU

PENYATA RASMI  
DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KELAPAN  
PENGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA

Persidangan Kali Yang Kedua  
26 April 1993

Dikeluarkan oleh:  
Pejabat Dewan Undangan Negeri  
Terengganu.

Perpustakaan  
Dewan Undangan Negeri  
Terengganu.



KANDUNGAN

1.	Nama Ahli-ahli	[ Muka 1 ]
2.	Doa	[ Muka 5 ]
3.	Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang diPertua	[ Muka 5 ]
4.	Kertas-kertas Kerja dan Laporan- laporan.	[ Muka 6 ]
5.	Soalan-soalan yang telah diberi notis -	
	(1) Soalan-soalan dan jawapan-jawapan bertulis.	[ Muka 7 ]
	(2) Soalan-soalan dan jawapan-jawapan lisan.	[ Muka 8 ]
6.	Cadangan dibawah Seksyen 30 Peraturan- peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan.	[ Muka 38 ]
7.	Perlantikan Ahli Dewan Negara.	[ Muka 40 ]
8.	Usul Yang Telah diberi Notis -	
	(1) Tambahan Peruntukan Yang Pertama daripada Kumpulan Wang Pembangunan untuk Perbelanjaan Rancangan Kerajaan Negeri bagi tahun 1993.	[ Muka 43 ]
9.	Rang Undang-Undang -	
	(1) Enakmen Perbekalan Tambahan (1993) 1993. (rundingan dalam semua peringkat)	[ Muka 47 ]
10.	T A N G G U H A N. #####	[ Muka 53 ]



DEWAN UNDANGAN NEGERI MULAI BERSIDANG PADA PUKUL  
9.30 PAGI.

HADIR

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA

Dato' Engku Bijaya Sura,  
DSMT., DPMT., SMT., AMN., PJC., PJK., BLB.  
(Dato' Syed Omar bin Mohamad)  
WAKIL PAKA

YANG AMAT BERHORMAT DATO' TAN SRI MENTERI BESAR

Dato' Seri Amar Di Raja,  
SSMT., PSM., SPMT., DA., DPMJ., KMN., JP., PJK.  
(Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad)  
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Dato' Haji Abu Bakar bin Daud,  
DSMT., DSAP., DPMT., JMN., PJC., PJK.  
WAKIL LADANG

" " Dato' Haji Ahmad Sidi bin Haji Ismail  
DSMT., DPMT., KMN., JP., PJC., PJK.  
WAKIL TELEMONG

" " Dato' Haji Abd.Rashid bin Ngah,  
DSMT., DPMT., JSM., PJC., PJK.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

" " Dato' Haji Wan Zakaria bin Abdul Rahman,  
DPMT., ASM., PJC., PJK., PPN.  
WAKIL KUALA BESUT

" " Dato' Haji Muda bin Mamat, DPMT., PJK., PPN.  
WAKIL BINJAI

" " Dato' Haji Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman,  
DPMT., ASM., SMT., PJK.  
WAKIL LANGKAP

" " Encik Aziz @ Ibrahim bin Awang, SMT., PJK.  
WAKIL SURA

" " Dr. Abdul Wahab bin Ngah, SMT.  
WAKIL BATU RAKIT

26 April 1993

Yang Berhormat Haji Muda bin Abdullah,  
SMT.,AMN.,JP.,PJK.  
WAKIL JERANGAU

" " Haji Harun bin Ali, AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL MERCANG

" " Haji Abdullah bin Muhammad, AMT.,PJK.  
WAKIL KAMPUNG RAJA

" " Wan Muda bin Mohd., AMT.,AMN.,PJK.,PPN.  
WAKIL KUALA BERANG

" " Encik Harun bin Hassan, AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL BUKIT BANDI

" " Haji Yusof @ Jusoh bin Musa, AMN.,PJK.  
WAKIL SERADA

" " Encik Abu Bakar bin Ali, AMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL KEMASEK

" " Haji Daud bin Abu Bakar, AMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

" " Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd,  
DPMT.,ASM.,PJK.,BLB.  
WAKIL TELUK PASU

" " Haji Shafi'i bin Omar, PJK.  
WAKIL PERMAISURI

" " Haji Abdullah @ Wahab bin Saaid, AMN.,PJK.  
WAKIL TEPOH

" " Encik Mazlan bin Awang, PJK.  
WAKIL BUKIT PAYONG

" " Haji Harun bin Taib  
WAKIL MANIR.

" " Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong  
WAKIL BATU BURUK

" " Haji Abdul Hadi bin Haji Awang  
WAKIL RHU RENDANG



26 April 1993

Yang Berhormat Haji Harun bin Jusoh, JP.,PJK.

WAKIL BANDAR

" " Haji Abdul Latif bin Mohamad

WAKIL JERTIH

" " Haji Mohd.Abdul Wahid bin Haji Endut

WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Amat Mulia Tengku Sri Paduka Raja

(Yang Berhormat Tengku Ibrahim Ibni Almarhum  
Sultan Ismail Nasiruddin Shah),DK.

WAKIL TANGGUL

Yang Berhormat Haji Mansor bin Sulong @ Ali, PJK.

WAKIL BUKIT TUNGGAL

HADIR menurut Fasal XIII(3) Undang-Undang Bagi Diri  
Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama):

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Seri Dato' Lela Perkasa

(Dato' Seri Mohd.Azahar bin Othman)

SSMT.,SPMT.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Abdul Kadir bin Musa, DPMT.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Senara Muda

(Dato' Haji Mazlan bin Hashim)

DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

TIDAK HADIR

" " Encik Ahmad bin Said, PJK.

WAKIL KIJAL

" " Haji Zahari bin Mohamad

WAKIL JERTEH

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Osman bin Muda, PJK.

(Pegawai Tadbir Negeri Terengganu).

26 April 1993

26 April 1993

DOA - Di baca oleh  
YBM Dato' Yang di Pertua

UCAPAN YB TUAN YANG DIPERTUA

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
وَبِهِ نَسْتَعِیْنِ

Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Amar Di Raja, Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, hadirin dan hadirat sekalian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.

Kita akan bersidang Dewan hari ini hanya sehari sahaja. Saya suka mengambil perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali kepada masa soalan yang kita tetapkan selama satu jam sahaja dan saya berharap Yang Berhormat mematuhi Peraturan Tetap kita bahawa soalan-soalan yang hendak di kemukakan tidak boleh mengandungi unsur-unsur yang menjadikan punca perbahasan untuk mengelakkan masa supaya setiap ahli Yang Berhormat berpeluang mengemukakan soalan masing-masing. Saya lihat masa-masa yang sudah Ahli-ahli Yang Berhormat yang terkemudian sedikit terlepas peluang tidak dapat menyoal soalan-soalan mereka disebabkan masa telah habis. Hari ini saya berharap kita mengamalkan jimat masa supaya memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah mengemukakan soalan.

Saya juga ada mendengar rintihan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan ketinggalan kepada menjawab soalan tetapi mana-mana soalan yang tidak dapat di soal dalam Dewan diberi dengan jawapan bertulis kemudian. Saya cuba akan memikirkan cara-cara yang lain untuk memberi peluang kepada semua Yang Berhormat dapat membuat soalan dalam masa satu jam sebelah pagi itu.

Dengan ini saya ucapkan SELAMAT BERSIDANG.

26 April 1993

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:-

- |                       |   |
|-----------------------|---|
| DUN.Bil: 1 Tahun 1993 | Peruntukan Tambahan Pertama Anggaran Bekalan Tahun 1993.                        |
| DUN.Bil: 2 Tahun 1993 | Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) 1993.                                   |
| DUN.Bil: 3 Tahun 1993 | Penyata Kira-kira Tahunan Majlis Daerah Hulu Terengganu Bagi Tahun 1988.        |
| DUN.Bil: 4 Tahun 1993 | Penyata Kira-kira Tahunan Majlis Daerah Besut Bagi Tahun 1984.                  |
| DUN.Bil: 5 Tahun 1993 | Penyata Kira-kira Tahunan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu Bagi Tahun 1983.  |
| DUN.Bil: 6 Tahun 1993 | Penyatra Kira-kira Tahunan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu Bagi Tahun 1984. |
| DUN.Bil: 7 Tahun 1993 | Penyata Kewangan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu Bagi Tahun 1987.       |
| DUN.Bil: 8 Tahun 1993 | Penyata Kewangan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu Bagi Tahun 1988.       |

26 April 1993

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DI BERI NOTIS

- (1) SOALAN-SOALAN BERTULIS
- (2) SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, jawapan-jawapan kepada soalan-soalan bertulis yang telah diberi notis dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:-

- (a) YB Haji Harun bin Taib  
(Wakil Manir)
- (b) YB Haji Abdul Hadi bin Haji Awang  
(Wakil Rhu Rendang)
- (c) YB Haji Harun bin Jusoh  
(Wakil Bandar)
- (d) YB Haji Abdul Latiff bin Mohamad  
(Wakil Jerneh)
- (e) YB Haji Mohd. Abdul Wahid bin Haji Endut  
(Wakil Wakaf Mempelam)
- (f) YB Haji Zahari bin Mohamad  
(Wakil Jabi)
- (g) YAM Tengku Sri Paduka Raja  
(YB Tengku Ibrahim Ibni Almarhum Sultan  
Ismail Nasiruddin Shah)  
(Wakil Tanggol)
- (h) YB Haji Mansor bin Sulong  
(Wakil Bukit Tunggal)

26 April 1993

**YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA:** Sekarang kita masuk dalam Soalan Lisan, saya mempersilakan Yang Berhormat Haji Harun bin Taib, Wakil Manir mengemukakan soalan-soalan.

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan yang pertama -

Adakah benar kerajaan ada berunding dengan pihak Tenaga Nasional Berhad (TEN) bagi kemungkinan membina satu lagi Empangan Hidro Elektrik di sekitar kawasan Tasik Kenyir. Jika benar sejauh manakah kemajuan rundingan tersebut.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, benar ada rundingan di antara Kerajaan Negeri dengan pihak Tenaga Nasional. Kemajuan perundingan masih lagi dalam peringkat awal.

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Apakah faktor-faktor yang diambil kira di dalam perundingan tersebut.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pertama sekali pihak Kerajaan menjaga supaya keluasan kawasan yang terlibat tidak begitu besar.

Kedua, Kerajaan Negeri juga akan dapat faedah daripada pembinaan yang baru ini semaksima yang boleh.

**YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG:** Adakah pihak Kerajaan dalam perundingan itu akan memakai terus syarat-syarat dan cara-cara persetujuan daripada perundingan lama yang telah diadakan berhubung dengan empangan yang telah lalu dan dipakai kepada yang akan dibina.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan ini satu projek baru dan syarat-syarat baru sebagaimana yang dijelaskan faktor utama yang kita utamakan ialah kepentingan Kerajaan Negeri, keuntungan yang maksima yang boleh kita dapat selain daripada kita tidak banyak merugikan kawasan yang terlibat dengan empangan ini.

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Bolehkah Kerajaan

26 April 1993

memberitahu keuntungan-keuntungan yang mungkin diperolehi melalui perancangan baru kita ini.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR:  
Mungkin banyak.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Bolehkah pihak Kerajaan menjelaskan kawasan takunan yang akan digunakan ataupun takunan yang sedia ada itu akan dimanfaatkan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Ya, Tuan Yang di-Pertua, takungan yang sedia ada akan dimanfaatkan sebab cadangan yang akan dibuat ialah dua -

- (1) Di Empangan Besar dan
- (2) Di Hulu Takungannya.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan kedua -

Mengenai perusahaan melombong emas di Lubuk Mandi, sila nyatakan perkembangan terakhir projek ini dan kajian keuntungan yang akan diperolehi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pada masa ini kerja-kerja pembinaan dan pemasangan loji telahpun siap 100% dan semua peralatan jentera loji sedang dalam pengujian. Operasi percubaan loji memproses dijangka dapat dimulakan tidak lama lagi.

Hasil daripada kajian yang dibuat projek ini adalah viable (boleh membawa keuntungan) dan dijangka akan mendapat pulangan balik dalam tempoh 5 tahun, insya-Allah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Adakah pihak Kerajaan dan pengurusan akan memberi peluang kepada pelombong-pelombong yang sedia ada dan berpengalaman di kawasan Lubuk Mandi itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ini akan dikaji oleh pihak pengurusan baru.

26 April 1993

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan - Adakah perusahaan tersebut akan melibatkan pihak swasta dan pihak asing? Jika ada apakah nama-nama pihak tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ini 100% SEDC (Public Company).

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, adakah bahawa Kerajaan yakin SEDC ini berjaya membuat untung di dalam perusahaan ini sebab pengalaman yang lalu SEDC ini banyak membuat kerugian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, insya-Allah ini dalam berniaga ini 'Cash is the fact'. Kata orang putih, 'opinion' jangkaan untung itu 'is an opinion', terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita rasakan - saya bertanya apa Kerajaan berasa yakin yang SEDC ini, berdasar kepada pengalaman yang lalu, memang kemungkinan untung ada macam Bank Negara juga. Rugipun atas kertas sebagaimana untungpun atas kertas juga.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, insya-Allah kata 'viable' tadi, jangka untung itulah jangkaan. Allah menentulah, tolonglah 'support'.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang?

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan pertama -

Sila nyatakan nama-nama agensi Kerajaan Negeri yang menyimpan wang di Bank Islam Cawangan Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, agensi-agensi Kerajaan Negeri yang menyimpan wang di Bank Islam Cawangan Terengganu adalah seperti berikut:-



26 April 1993

- (1) Yayasan Terengganu
- (2) Yayasan Islam Terengganu
- (3) Kolej Agama Sultan Zainal Abidin  
(KUSZA)
- (4) Yayasan Pembangunan Keluarga
- (5) Majlis Daerah Dungun
- (6) Majlis Daerah Kemaman

Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

**YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan - Bolehkah Yang Berhormat menyebut agensi-agensi yang tidak menyimpan di Bank Islam dan mengapa?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, selain daripada enam itulah.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG:** Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Adakah Kerajaan Terengganu sebagai Kerajaan tidak berkeyakinan di atas operasi dan penyimpanan di Bank Islam, yang Kerajaan tidak simpan dan hanya agensi sedikit sahaja diberi?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebab kita yakinlah kita benar Bank Islam buka cawangan di Terengganu.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG:** Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - soalan saya tidak dijawab. Adakah Kerajaan tidak berkeyakinan di atas operasi dan kebaikan di Bank Islam itu yang menyebabkan Kerajaan sendiri tidak menyimpan.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Bank Islam itu Kerajaan yang tubuh, tidak ada sebab Kerajaan tidak yakin. Agensi Kerajaan ini, Kerajaanlah, Kerajaan sendiripun ada simpan di Bank Islam bukan tidak ada.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG:** Jabatan mana, saya hendak minta tahu jabatan mana?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apa yang saya jawab tadi

26 April 1993

agensi dan Kerajaan sendiri memang ada menyimpan di Bank Islam.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Saya minta penjelasan Dato' Yang di-Pertua, soalan senang sahaja melainkan Yang BERTHORMAT ExCo tidak boleh faham soalan - Saya kata Jabatan mana, Jabatan Kerajaan, bukan agensi Kerajaan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua, saya jawab tadi agensi kalau Yang BERTHORMAT hendak tahu jabatan, Dewan akan datanglah buat soalan, terima kasih.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Soalan lain -

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG: Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua, soalan yang kedua -

Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyebarkan ajaran Islam di kalangan orang-orang bukan Islam termasuk orang-orang asli sehingga kini.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu menyebarkan ajaran Islam di kalangan orang-orang bukan Islam termasuk orang-orang Asli sehingga kini ialah:

1. Mengadakan lawatan ke perkampungan-perkampungan Orang Asli.
2. Kursus ke arah pengislaman.
3. Melantik Muballigh di perkampungan Orang Asli (di Sungai Brua, Hulu Terengganu) dan Guru-guru Agama (2 orang di Kuala Sayap, Besut dan 3 orang di Sungai Pergam, Hulu Jabor, Kemaman).
4. Memberi kesedaran kepada masyarakat Islam yang mempunyai jiran dan rakan individu atau masyarakat bukan Islam supaya berdakwah berdasarkan konsep: 'Dakwah Bilhak"

26 April 1993

(memaparkan keindahan Islam melalui perilaku, amalan dan perkhidmatan).

**YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan - Adakah termasuk di kalangan mereka-mereka yang telah menganut Islam di kalangan orang-orang yang bukan Islam termasuk Orang Asli yang telah murtad dan apakah langkah yang Kerajaan bagi menyebarkan semula ajaran dengan cara yang lebih kuat untuk mengembalikan semula kepada Islam.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya kurang jelas, kalau boleh Yang Berhormat daripada Rhu Rendang ulang sekali lagi.

**YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG:** Adakah terdapat di kalangan orang-orang yang telah masuk Islam yang murtad - keluar daripada Islam dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengembalikan ...

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL:** ... Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua - Maaf, Tolong, tidak berapa jelas, yang mula-mula itu saya tidak berapa jelas.

**YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG:** Adakah di kalangan mereka yang murtad, kalau ada bagaimana langkah hendak mengembalikan semula?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada angka rasmi yang kita perolehi daripada mereka yang murtad tetapi usaha kita akan lakukan kalau terdapat berita-berita yang mengatakan bahawa mereka ini yang telah memeluk agama Islam mengamalkan ataupun membuat perkara-perkara yang menuju ke arah murtad, kita akan mengambil langkah untuk memberi nasihat. Sekian Yang di-Pertua.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG:** Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Program-program yang diberi oleh ExCo tadi nampaknya untuk Orang Asli sahaja, apakah program-program untuk orang yang tidak Asli?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, maksud Yang Berhormat daripada Batu Burok - Program di kalangan orang bukan Asli? Saya telah jelaskan dalam jawapan saya mula-mula tadi.

26 April 1993

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua - di kalangan Mubaligh yang dilantik untuk memberi dakwah di kalangan orang-orang Asli itu, apakah terdapat yang Mubaligh ini juga daripada kalangan Orang Asli yang sudah dilantik?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya kurang jelas sedikit - sekali lagi.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Wakil Telemong menceritakan bahawa Kerajaan sudah mengadakan Mubaligh-mubaligh untuk menyampaikan dakwah di kalangan Orang-orang Asli. Soalan tambahan sayanya - Apakah di kalangan Mubaligh-mubaligh itu ada yang dilatih daripada Orang Asli juga yang sudah dilatih oleh pihak Kerajaan untuk menyampaikan dakwah di kalangan mereka sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, setakat ini di Negeri Terengganu tidak ada. Insya-Allah kalau ada di kalangan Orang Asli yang berkebolehan menjalankan dakwah ini kita akan lantik mereka.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Wakil Bandar.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN JUSOH: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua soalan pertama -

Apakah tujuan sebenar Pasar Borong di Cabang Tiga diwujudkan dan kenapakah di kebelakangan ini ianya tidak mendapat sambutan dari yang berkenaan.

YANG BERHORMAT DR. ABDUL WAHAB BIN NGAH: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tujuan kita menubuhkan Pasar Borong adalah:-

- i. Untuk mengatasi masalah pemasaran sayur petani-petani tempatan kita.
- ii. Untuk menyediakan satu landasan jaminan pendapatan yang berterusan kepada petani-petani yang mengeluarkan sayur-sayur di Negeri Terengganu.

26 April 1993

- iii. Untuk memberi jaminan bekalan komoditi yang tetap dan berkesan kepada pengguna.

Sebenarnya Pasar Borong bukanlah tidak mendapat sambutan dari peruncit-peruncit tetapi kurang mendapat sambutan oleh sebab-sebab tertentu. Antara sebab-sebabnya ialah:-

- Kita dapati ada saingan bekalan sayur-sayuran yang sama jenisnya yang dikeluarkan oleh petani tempatan di mana pembekal-pembekal berkenaan mengadakan longgokan sayur-sayuran di Kuala Terengganu dan menjual dengan harga yang lebih murah kepada peruncit apabila bekalan yang sama terdapat di Pasar Borong. Apabila bekalan berkenaan tiada di Pasar Borong, mereka pula mengaut keuntungan dengan menjual pada harga yang tinggi kepada peruncit.
- Jadi oleh kerana memandangkan kaedah Undang-undang yang ada tidak berkesan untuk mengawal longgokan ataupun "dumping" dengan izin, sayur-sayur serta aktiviti pemborongan yang tanpa lesen inilah yang menyebabkan kurangnya sambutan daripada mereka-mereka yang berkenaan.

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG:** Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Saya berasa dukacitalah di atas penjelasan ExCo tadi, tidak adakah kajian 'feasibility' sebelum dibuat yang pertamanya.

Yang kedua, pernahkah ExCo ataupun mereka yang bertanggungjawab memikirkan dari segi kesesuaian lokasi tempat yang dijadikan Pasar Borong itu.

**YANG BERTHORMAT DR. ABDUL WAHAB BIN NGAH:** Dato' Yang di-Pertua, Pasar Borong Cabang Tiga yang kita adakan ini ialah Pasar Borong tempat sementara, kita memahami tentang masalah petani mendapat harga yang berpatutan untuk menjualkan barangan sayur-sayuran mereka. Kita sedar tentang pentingnya petani-petani kita mendapat jaminan harga yang sewajarnya di atas usaha-usaha mereka yang dilakukan. Hari ini kita dapat lihat ramai petani-petani yang sudahpun setelah Pasar Borong ini beroperasi mendapat sedikit sebanyak harga yang baik dan kalau kita katakan kita tidak

26 April 1993

menjalankan kajian 'feasibility' sebelum ini, Dato' Yang di-Pertua, kita telah melihat segala bentuk operasi selama setahun sebelum kita memikir untuk hendak melaksanakan Pasar Borong ini. Sekiranya berlaku apa-apa masalah di dalam pelaksanaannya ini merupakan keadaan perniagaan biasa. Persaingan tanpa adanya Undang-undang yang boleh mengawal kaedah-kaedah jualan dan bekalan akan menjadi suatu perkara yang perlu kita hadapi.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Pasar Borong diadakan untuk menempatkan penjualan secara borong. Bagaimana timbulnya persaingan, sepatutnya kawalan mestilah ada untuk ditentukan kesemua barang-barangan yang hendak dipasarborongkan itu di satu lokasi sahaja, itu dia kawalannya, bukan soal persaingan.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Itu bukan soalanlah.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN JUSOH: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua - Benarkah sebelum daripada Pasar Borong itu diwujudkan, pihak Kerajaan mengadakan perbincangan dengan petani?

YANG BERTHORMAT DR. ABDUL WAHAB BIN NGAH: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya nyatakan tadi, kita memikirkan perkara ini selama setahun. Dalam masa itu kita berjumpa, berhimpun dan berbincang dengan petani-petani dari semua golongan dari kebanyakan kampung-kampung yang terdapat di dalam daerah-daerah Marang, Kuala Terengganu dan juga di Hulu Berang. Kita telah berbincang dengan mereka segala-gala aspek yang perlu kita laksanakan bagi menjaminkan usaha-usaha mereka itu dan usaha-usaha kita, usaha Kerajaan akan mendapat kejayaan juga akhirnya.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN JUSOH: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Tidakkah boleh ataupun kenapa Pasar Borong ini diwujudkan di Cabang Tiga tidak diwujudkan di Pasar Besar Kedai Payang di mana tempat yang sedia ada.

YANG BERTHORMAT DR. ABDUL WAHAB BIN NGAH: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa Pasar

26 April 1993

Payang telah begitu sesak sekarang dan sebelum inipun memang kita, sebelum diwujudkan Pasar Borong sementara di Cabang Tiga kita tidak pernah ada Pasar Borong dengan erti kata sebenarnya, memang tidak ada. Yang berlaku ialah jualan borong dan memandangkan tidak ada tempat yang sesuai untuk melonggokkan barangan-barangan yang dengan adanya kawasan ini terkawal dan terjaga, terurus, maka itulah kita cadangkan di tempat sementara di Cabang Tiga, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua.

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN JUSOH:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan yang kedua -

Adakah Kerajaan membuat kajian berhubung dengan keperluan tanah perkuburan di negeri ini, kalau ada nyatakan bentuk dan caranya kalau tidak kenapa dan adakah Kerajaan sedar perkara pengkebumian jenazah sangat sensitif kepada masyarakat Islam.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, oleh kerana perkara yang saya akan jawab ini kita semua mempunyai kepentingan. Saya pohon izin Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua untuk saya memberi penjelasan yang agak panjang sedikit.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pihak Kerajaan memang ada membuat kajian berhubung dengan keperluan tanah perkuburan di negeri ini melalui mesyuarat, rundingan-rundingan dan tindakan susulan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dan kerjasama Pejabat Pentadbir Tanah Daerah, Majlis Perbandaran/Majlis-majlis Daerah. Kajian dibuat adalah untuk mengenalpasti kawasan-kawasan yang belum diwujudkan lagi tanah-tanah perkuburan di bandar-bandar, pekan-pekan dan di kampung-kampung. Ini termasuk juga membuat kajian terhadap keperluan tambahan, iaitu membuat penyiasatan sama ada tanah perkuburan yang sedia ada sudah mencukupi dibandingkan dengan pertambahan penduduk dari semasa ke semasa.

Ulasan dari Jabatan Kesihatan juga diminta untuk memberikan pandangan bagi tanah-tanah perkuburan tersebut.

Bagi menampung keperluan tanah-tanah perkuburan di dalam kawasan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu dan kawasan sekitarnya, Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan suatu kawasan seluas 92.800 ekar bagi maksud tersebut di Kampung

26 April 1993

Mengabang Panjang, Batu Rakit, Pihak Berkuasa Negeri juga telah merizabkan jumlah tanah-tanah perkuburan di daerah-daerah sebagaimana berikut:-

i. Daerah Kemaman	-	193.084 ekar
ii. Daerah Dungun	-	143.348 ekar
iii. Daerah Marang	-	204.153 ekar
iv. Daerah Hulu Terengganu	-	199.769 ekar
v. Daerah Setiu	-	76.238 ekar
vi. Daerah Besut	-	186.649 ekar

Daerah Marang yang paling luas sekali.

Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu telah menyusun suatu garis panduan bagi tanah-tanah perkuburan Islam. Kaedah-kaedah Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Peraturan-peraturan Tanah Perkuburan Islam) 1992 telah digubal dan akan diwartakan. Pelaksanaan awalnya telah dilaksanakan di Perkuburan Sheikh Ibrahim, di mana garis panduan untuk mengkebumikan mayat secara susunatur telah dilakukan.

Pemberitahuan kepada orang ramai telah dibuat. Tindakan susulan seterusnya akan dilakukan terhadap semua tanah perkuburan Islam yang lain di Negeri Terengganu.

Sekian Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan - Bismillahir rahmanir rahim. Pernahkan pihak Kerajaan dimaklumkan adanya pertenglingkahan berhubung dengan pengkebumian jenazah kerana tidak terdapat satu tanda yang jelas, sempadan tanah perkuburan tersebut. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Tidak ada makluman Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Saya bila dengar ExCo memberi penjelasan tadi seolah-olahnya nampak macam tapak industri. Apakah kemungkinan kemudahan dan keselesaan orang mati kita fikir bila katakan hendak Batu Rakit, semuakah hendak pergi tanam di Batu Rakit, ini minta penjelasan sedikitlah.



26 April 1993

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya tidak berapa jelas Yang Berhormat daripada Batu Burok tadi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Penjelasannya begini Dato' Yang di-Pertua, bila saya dengar penjelasan yang diberi oleh Dato' ExCo tadi seolah-olahnya tanah perkuburan ini macam tapak industri, satu daerah satu, berbatu-batu. Adakah keselesaan, kemudahan, kesenangan orang yang mati dan keluarga-keluarga itu diambilkira daripada cara untuk mengindustrikan perkuburan itu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, itulah tandanya cakna Kerajaan masalah kematian ini kerana mati ini di mana-mana sahaja akan berlaku Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan - Oleh kerana pihak Yang Berhormat dari pihak Kerajaan mengatakan bahawa tidak ada makluman. Maka ingin saya jelaskan di sini baru-baru ini satu pengkebumian di Bukit Tunggul telah mendapat tentangan dari orang yang mengatakan bahawa tanah tersebut adalah milik beliau kerana tidak ada sempadan yang jelas, maksudnya tidak ada pagar. Jadi inilah saya maklumkan kepada pihak Kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dengan sebab itulah langkah-langkah yang kita akan ambil berdasarkan kepada jawapan kita tadi bahawa kita hendak menentukan bahawa kawasan-kawasan itu dirizabkan untuk kegunaan perkuburan.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Soalan lain, sila saya jemput Wakil Jerneh.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN JUSOH: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan yang pertama -

Apakah bentuk pampasan yang diperolehi oleh penduduk negeri ini yang tanah mereka digunakan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TEN) untuk talian elektrik.

26 April 1993

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, bentuk pampasan ialah wang tunai.

**YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG:** Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengemukakan cadangan bagi mengenakan pampasan di atas laluan talian ini dengan meminda Akta-akta Eletrik itu sendiri kerana pada saat ini pada hari ini tidak ada bayaran yang dibuat bila laluan terlibat dengan tanah pertanian sahaja? Fahamkah tidak.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kita akan mengambil pandangan di atas pandangan Yang Berhormat itu.

**YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG:** Saya tanya soalan Dato' Yang di-Pertua - Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengemukakan satu syor ataupun cadangan kepada Kerajaan Pusat bagi meminda Akta Elektrik 1958 yang tidak membayar pampasan kepada tanah-tanah yang kena laluan talian api pada hari ini ke atas tanah-tanah yang berkategori 'Pertanian'.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri akan mengambil perhatian di atas cadangan Yang Berhormat daripada Batu Burok dan insya-Allah apabila perbincangan di peringkat Negeri dibuat kemungkinan kita akan mencadangkan kepada pihak Kerajaan Pusat.

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN JUSOH:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apa yang saya tahu sehingga hari ini tidak ada sebarang bayaran yang diberi sedangkan Yang Berhormat memberi maklumat kepada Dewan ini "Kita beri pampasan berupa kewangan" bagaimana kedudukan?

**YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat soalan itu saya tidak benar, tidak payah tanya soalan itu. Jadi soalan yang sebegini ...

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN JUSOH:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tidak payah tanya, saya tidak tanyalah. Dah kalau Speaker kata tidak payah tanya.

26 April 1993

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Soalan itu tidak kena dengan soalan yang pertama, saya tidak benar tanyalah.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN JUSOH: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, perlu tarik balik?

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Tidak payah tarik balik.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN JUSOH: Soalan yang kedua -

Berhubung dengan bangunan Pasar Jerteh, bilakah borang untuk permohonan ruang niaga akan dikeluarkan dan jangkaan akan dipanggil temuduga.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABD. RAHMAN: Pihak Majlis Daerah Besut telah mengeluarkan Pemberitahu Tawaran dan borang permohonan sewa ruangniaga Pasar Jerteh pada 23hb. Jun, 1992 yang lalu. Temuduga telahpun dijalankan secara berperingkat-peringkat bermula 7hb. Oktober, 1992 hingga 6hb. Disember, 1992. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua, dua soalan -

- (1) Adakah pihak Kerajaan menyimpan rekod peniaga-peniaga di pasar lama?
- (2) Adakah keutamaan diberi kepada peniaga-peniaga yang berdaftar di pasar lama yang terpaksa pindah kepada pasar baru?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABD. RAHMAN: Yang di-Pertua, memang pihak Kerajaan khususnya Majlis Daerah Besut ada menyimpan rekod-rekod mereka yang telah berniaga di pasar lama dan apabila temuduga dijalankan maka di samping orang yang berniaga di pasar lama juga kita akan mengambilkira permohonan-permohonan baru. Sebab ruang perniagaan yang disediakan di pasar yang baru sekarang ini berganda lebihnya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Dato' Yang di-Pertua soalan tambahan - Dengan perkiraan yang diambil, apakah jangka kerajaan, adakah bekas-bekas peniaga atau peniaga-

26 April 1993

peniaga lama itu akan tersingkir atau terjamin semuanya akan dapat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABD. RAHMAN: Saya, Dato' Yang di-Pertua, tidak dapat menyebut tentang jaminan, walau bagaimanapun timbangan yang wajar akan diberi kepada mereka yang telahpun berniaga di pasar lama yang telah mengalami kebakaran pada masa yang lalu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Setakat pertimbangan yang telah dibuat berapakah permohonan-permohonan yang datang daripada peniaga-peniaga di pasar lama yang telah ditolak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABD. RAHMAN: Kita belum buat penolakan lagi.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan pertama -

Berapakah harga dan apakah syarat-syarat penswastaaan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri untuk menswastakan Kuari Jabatan Kerja Raya di Bukit Jong, Kuala Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABD. RAHMAN: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, harga dan syarat-syarat penswastaaan Kuari Bukit Jong Sdn. Bhd. adalah sebagaimana berikut:-

- i. Bayaran premium tanah, hasil tanah dan kadar royalti adalah mengikut Peraturan Tanah Terengganu.
- ii. Perusahaan Bukit Jong Sdn. Bhd. hendaklah membayar pampasan di atas kemusnahan/kerosakan ke atas tanah yang terlibat dengan pencemaran dan syarikat juga hendaklah menanggung apa jua kos kerja-kerja menggali dan mendalami Sungai Gemuruh di masa akan datang.

26 April 1993

- iii. Pajakan tanah untuk perusahaan kuari adalah selama 30 tahun.
- iv. Syarikat hendaklah membayar kepada Kerajaan Negeri sebanyak RM4,218,200.00 atas semua kelengkapan, jentera, bangunan, kenderaan dan stok berdasarkan nilai buku. Bayaran pendahuluan sebanyak RM2,000,000.00 hendaklah dibuat semasa menandatangani perjanjian dan bayaran bakinya sebanyak RM2,218,200.00 hendaklah dijelaskan apabila harta-harta kuari dipindah kepada syarikat.
- v. Pihak Perusahaan Bukit Jong Sdn. Bhd. bertanggungjawab untuk memberi jaminan dan menyerapkan semua pekerja yang terlibat di Kuari Bukit Jong yang berminat bekerja dengan memberi tawaran gaji 20% lebih tinggi daripada jumlah yang didapati sekarang dan dengan sekurang-kurangnya satu bulan bonus bagi setahun. Terms dan syarat perkhidmatan untuk kakitangan yang disediakan oleh syarikat hendaklah diubahsuai supaya selaras dengan Skim Saraan Baru (SSB) yang diterimapakai oleh Kerajaan Negeri sebagaimana peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991 dan hendaklah terlebih dahulu dirujuk dan dipersetujui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.
- vi. Jabatan Kerja Raya dibenar mengadakan perundingan dan perjanjian dengan syarikat mengenai bekalan batu premix kepada Kerajaan Negeri dan Persekutuan pada harga yang menasabah untuk tempoh 5 tahun pertama dengan opsi untuk tempoh 5 tahun berikutnya.
- vii. Jabatan Kerja Raya dibenar mengadakan rundingan dan perjanjian dengan syarikat tentang melantik syarikat sebagai pemborong bagi melaksanakan penyelenggaraan jalan tahunan, jalan-jalan negeri bagi Daerah Kuala Terengganu, Setiu, Hulu Terengganu dan Besut untuk tempoh 5 tahun pertama dengan opsi untuk 5 tahun berikutnya pada kadar harga dan

26 April 1993

kuantiti yang dirunding dan dipersetujui serta mengadakan perjanjian berasingan mengenainya.

- viii. Pihak Syarikat hendaklah mengekalkan kontrak dengan Hubungan Raya Terengganu Sdn. Bhd. berhubung dengan pecah batu dan pengangkutan tidak kurang dari 5 tahun dari tarikh penswastaaan.

Bagi kontrak pengangkutan batu dan premix ianya adalah untuk bekalan dan kerja-kerja untuk jabatan Kerajaan sahaja. Bagi bekalan batu dan premix kepada pihak swasta, pengangkutan Hubungan Raya hendaklah diberi keutamaan sekiranya pembeli tidak menguruskan pengangkutan sendiri.

- ix. Pihak Syarikat adalah bertanggungjawab untuk mengawal sistem pencemaran alam sekitar di kawasan berkenaan dengan menjalankan kajian 'Environmental Impact Assessment' dan mematuhi syarat-syarat Pihak Berkuasa Alam Sekitar.
- x. Satu surat perjanjian hendaklah disediakan dan ditandatangani di antara Kerajaan Negeri dan Perusahaan Bukit Jong Sdn. Bhd. mengenai penswastaaan Kuari Bukit Jong ini yang mengandungi syarat-syarat tersebut di atas. Kos penyediaan perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh syarikat.

Sekian, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua, dua soalan -

1. Adakah benar bahawa pekerja-pekerja yang diberi pilihan untuk berpindah kepada syarikat pembeli hanyalah disekat daripada pembuangan dalam tempoh dua tahun sahaja?

26 April 1993

2. Apakah ada pilihan kepada pekerja-pekerja yang terlibat untuk dikekalkan dalam perjawatan Kerajaan daripada berpindah ataupun dipencenkan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABD. RAHMAN:  
Dato' Yang di-Pertua, kepada pekerja-pekerja, saya rasa tidak berlaku pembuangan setelah syarikat yang berkenaan berunding dengan pekerja yang berkenaan kecualilah kepada mereka yang tidak mahu meneruskan pekerjaan mereka di kuari tersebut dan dari segi pilihan memang pada peringkat awal rundingan telah dibuat dengan pekerja-pekerja. Setengah daripada pekerja sanggup mengekalkan di dalam Jabatan Kerja Raya dan pada peringkat awal, dua tahun yang lalu, mana-mana pekerja yang tidak ini telahpun ditukarkan di bahagian lain di jabatan-jabatan umpamanya ada dua telah ditukarkan ke Besut dan ada beberapa daerah yang lain itu sahaja Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG:  
Penjelasan Dato' Yang di-Pertua, soalan saya tidak dijawab "tidak kena atas kepala paku". Yang pertama - Adakah benar bahawa terms/syarat perjanjian pemindahan pekerja itu hanyalah mengenakan kepada syarikat pembeli ini dua tahun sahaja dia tidak boleh buang pekerja ini, selepas itu dia boleh buang, dia boleh pecat, dia boleh apalah.

Yang keduanya - Adakah pilihan diberi kepada pekerja-pekerja yang terlibat untuk kekal dengan perjawatan Kerajaan dan tidak diberhentikan ataupun dipencen ataupun diserapkan kepada syarikat yang membeli.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABD. RAHMAN:  
Soalan yang pertama daripada Wakil daripada Batu Burok sekejap tadi iaitu kita tidak ada perjanjian selepas pada dua tahun dikekalkan ataupun dia akan teruskan bekerja dengan syarikat, tidak ada perjanjian. Itu terpulang kepada syarikat dengan pekerja.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG:  
Penjelasan Dato' Yang di-Pertua, bukan soal, syarat yang diberi dalam borang pilihan saya kata, bahawa dalam masa dua tahun sahaja selepas peralihan ini yang syarikat beli tidak boleh pecat tetapi selepas itu dia boleh pecat, adakah benar ada syarat itu.

26 April 1993

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABD. RAHMAN: Saya rasa pemecatan terpulang kepada syarikat selepas pada dia bekerja dengan syarikat yang berkenaan, jadi kita tidak ada syarat itu.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT: Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Setelah disebutkan harga dan juga syarat-syarat penswastaaan tadi, adakah tawaran harga dan syarat-syarat penswastaaan yang disebutkan tadi dibuat secara 'Open Tender' ataupun 'Negotiate Tender' dan bagaimanakah dengan kedudukan atau penyelesaian hutang-hutang kuari JKR sebelum ianya diswastakan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABD. RAHMAN: Saya perlu notis, ini, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Soalan lain.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT: Soalan yang kedua, Dato' Yang di-Pertua -

Bilakah Dermaga Barat di Pelabuhan Kemaman akan dibina.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABD. RAHMAN: Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang BERTHORMAT Wakil Wakaf Mempelam saya suka menyatakan bahawa pihak Kementerian Pengangkutan telahpun bersetuju pada dasarnya supaya Dermaga Barat Pelabuhan Kemaman yang dicadangkan itu dilaksanakan, tapi dukacitanya buat masa ini kita tidak dapat menyatakan bilakah Dermaga Barat itu akan dapat dilaksanakan. Jadi itu sahaja Dato' Yang di-Pertua terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT: Penjelasan Dato' Yang di-Pertua, tidak berapa dengar molek Dato', biar kuat sikit.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABD. RAHMAN: Yang BERTHORMAT Mulia Dato' Yang di-Pertua, pada menjawab soalan Ahli Yang BERTHORMAT itu saya suka menyatakan bahawa pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia telahpun memberi persetujuan pada dasarnya pada cadangan untuk membina Dermaga Barat Pelabuhan Kemaman tapi pada masa ini saya belum dapat lagi menyatakan bilakah Dermaga itu akan dilaksanakan. Terima kasih.



26 April 1993

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, sekarang saya persilakan Wakil Jabi.

YANG BERTHORMAT HAJI ZAHARI BIN MOHAMAD: Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua, soalan yang pertama -

Adakah kerajaan sedar adanya kedai gunting rambut haram yang menjalankan aktiviti pelacuran dan menjual minuman keras di Paka. Jika sedar, sejauhmanakah tindakan yang telah dibuat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUDA BIN MAMAT: Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua, pentadbiran Majlis Daerah Dungun memang mengetahui bahawa adanya sebuah kedai gunting yang menjalankan perniagaan tanpa lesen dan notis menutupnya telahpun dikeluarkan oleh Majlis Daerah Dungun. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ZAHARI BIN MOHAMAD: Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Setelah notis dikeluarkan apakah kedai tersebut sudahpun menutup operasinya?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUDA BIN MAMAT: Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua, Pihak Penguatkuasa Majlis Daerah Dungun telahpun membuat siasatan lanjut untuk menyelesaikan masalah notis tersebut. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN JUSOH: Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Yang BERTHORMAT beri jawapan Kerajaan sedar ada kedai gunting rambut haram dan diberi notis. Tolong jelaskan adakah kerajaan sedar aktiviti pelacuran dan minuman keras berlaku di tempat yang berkenaan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUDA BIN MAMAT: Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua, pihak Penguatkuasa Majlis Daerah Dungun telahpun membuat penyiasatan dan didapati tidak ada. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ZAHARI BIN MOHAMAD: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang BERTHORMAT Wakil Tanggol.

26 April 1993

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA (Y.B. TENGGU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Soalan satu Yang Berhormat Yang di-Pertua -

Terdapat pelaburan sebanyak lima juta unit saham Larut Tin Fields Bhd. dengan kos RM11 juta telah dijual oleh Perbadanan Menteri Besar; sila nyatakan harga jualan serta tarikh jualan dibuat dan adakah wang ini dimasukkan balik ke dalam Perbadanan tersebut.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, harga jualan ialah RM2.40 satu unit dan telah dijual pada 30hb. Oktober 1989 dan kepulihannya telahpun dimasukkan ke dalam Perbadanan Menteri Besar. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA (Y.B. TENGGU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Soalan tambahan - Semenjak saham dibeli pada bulan November 1987 sehingga saham dijual, berapakah jumlah keuntungan yang diperolehi oleh Perbadanan Menteri Besar?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya pohon diulang soalan itu, tidak berapa jelas di sini.

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA (Y.B. TENGGU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Mengikut Laporan Ketua Audit Negara Tahun 1987, saham dibeli pada bulan November 1987 dan saya ingin tahu berapakah keuntungan yang diperolehi semenjak saham itu dibeli iaitu pada tahun 1987 sehingga saham dijual?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Saham dibeli pada harga RM2.10 kemudian dijual pada RM2.40. Yang di-Pertua, secara tepatnya kita beroleh keuntungan lebih daripada 1 juta, Dato' Yang di-Pertua.

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA (Y.B. TENGGU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Itu bukan soalan saya, soalan saya tadi pada tahun 1987 saham dibeli dan pada tahun 1987 sehinggalah di masa Perbadanan Menteri Besar memegang saham syarikat tadi, berapakah keuntungan yang diperolehi sampai tahap saham itu dijual bukan masa dijual?

26 April 1993

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Keuntungan itu diperolehi bila dijual, saya tidak begitu faham apa maksud Yang Berhormat ...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: ... Yang di-Pertua, dividen, dividen untung banyak mana bukan nak ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: ... Dividen, katalah dividen, dividen bukan untung, biar jelas begitu. Saya tidak tahu apakah yang dimaksudkan oleh Wakil Tanggol adakah serupa dengan yang dimaksudkan oleh Wakil Batu Burok?

YANG AMAT MULIA TENGKU SRI PADUKA RAJA (Y.B. TENGKU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Sama saja, yang saya kata nak menyenangkan kita semua faham, kalau disebut dividenkan susah pulak hendak cari 'dictionary' saya kata keuntungan daripada tahun 1987 sehinggalah kita jual saham itu di antara 2, 3, 4 tahun itu berapa dah kita dapat kumpul keuntungan, dividenlah itu ataupun kerugian?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Tuan Yang di-Pertua, Wakil Tanggol lebih arif, ada bezanya antara untung dengan dividen. Ada untung yang tidak diistiharkan sebagai dividenpun ada.

YANG AMAT MULIA TENGKU SRI PADUKA RAJA (Y.B. TENGKU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, sila arahkan Yang Berhormat ExCo itu menjawab soalan saya hendak tahu untung, bukan soalan arif tak arif ini, untung dia. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Soalan itu barangkali tidak betul dibuat, jawapan itu betul.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua soalan tambah - Ke ExCo hak jawab itu tidak reti berniaga ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Wakil Manir tidak faham sikit dalam hubungan dengan perniagaan ini, sebab dia biasa fahamkan ialah perniagaan nasi lemak, begitu, begini saja.

26 April 1993

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Daripada jawapan itu memang tidak reti berniaga sungguh, sabit kilang garam rugi masa dia jaga dulu.

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA (Y.B. TENGGU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, kita tinggal soalan itu, oleh kerana soalan itu tidak dapat dijawab, saya pergi ke soalan lain - Mengikut kepada Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 1987, setahu saya kajian kemungkinan tidak dijalankan sebelum saham-saham syarikat-syarikat tersebut dibeli. Apa kata kerajaan dalam pandangan ini oleh kerana saham ini dibeli dengan harga RM2.20 harga aset syarikat hanya RM0.55 sahaja, kenapa kita beli dengan harga RM2.20 tidak dengan harga RM0.55kah, RM0.60kah, RM0.70kah terlampau tinggi sekali ganda lebih daripada harta aset ketara syarikat tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tidak betul kalau dikatakan bahawa kajian tidak dibuat. Kajian telah dibuat, berdasarkan kajian dibuat maka keputusan telah dibuat untuk membeli saham ini, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA (Y.B. TENGGU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Maka bermaknalah Penyata Tahunan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara ini tidak betul?

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Tanggol, saya tidak izinkan Yang Berhormat kata begitu dan soalan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi saya rasa perlu kepada notis, jadi soalan Yang Berhormat itu merupakan bahan untuk berhujah, jadi menyalahi peraturan yang ada pada kita dan saya tidak membenarkan Yang Berhormat membuat soalan.

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA (Y.B. TENGGU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, soalan dua -

Sila nyatakan harga pembinaan bagi menyiapkan sebuah mercu tanda "Allah Peliharakanlah Terengganu" yang dibina di atas Bukit Besar, Kuala Terengganu.

26 April 1993

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, harga pembinaan ialah RM1,358,080.00. Sekian.

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA (Y.B. TENGGU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Tidak dengar, RM1. ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Harga pembinaan mercu tanda itu ialah RM1,358,080.00. Sekian, Dato' Yang di-Pertua ... (KETAWA)...

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA (Y.B. TENGGU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Adakah projek itu dikeluarkan tender, projek itu diberi melalui tender yang betul dan sah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ianya telah dikeluarkan tender, 'Negotiated Tender' kerana tidak banyak orang boleh buat hak begini, 'selective tender' namanya, hak pilih-pilih saja.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Dato' Yang di-Pertua, sebab apa yang mahal do'oh lalu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Apa benda Wakil Batu Burok? ... (KETAWA) ... Hah, cakap bolo' ini.

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA (Y.B. TENGGU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Yang Berhormat Yang di-Pertua, mengikut pada penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Ahli ExCo tadi bahawasanya projek "Allah Peliharakanlah Terengganu" ini diberi melalui 'Negotiated Tender', betulkah? Pasal bolo' sikit itu, tidak berapa dengar, 'Negotiated Tender'?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, 'Selective Tender', pilih-pilih. Pilih-pilih cukup-cukup hak tahu ada 4 - 5 orang begitulah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT: Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Guana yang maha do'oh lalu itu sepertimana yang ditanya oleh Wakil Batu Burok tadi?

26 April 1993

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Apa benda Wakil Wakaf Mempelam ini, apa benda, apa benda? .... (KETAWA) .... Apa benda.

Tanya betul, saya hendak jawab ....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Dato' Yang di-Pertua, Batu Burok betul ....

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat sila duduk, teruskan dengan soalan, Yang Berhormat Wakil Tanggol.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apa benda pulak Wakil Batu Burok ini?

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Tadak apa-apa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: ... Camek.

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA (Y.B. TENGGU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Apa yang saya difahamkan perkataan Mercu Tanda yang mula-mula hendak dibinakan dengan nama "Allah Selamatkanlah Terengganu Darul Iman" 5 perkataan dan pihak JKR telah membuat anggaran harganya ialah lebih kurang RM800,000.00 kemudian dipinda kepada "Allah Peliharakanlah Terengganu" 3 perkataan diberi tender dengan harga RM1.38 juta. Kenapa harganya yang begitu mahal dari apa yang dianggarkan oleh pihak JKR?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, hendak hak murah boleh tapi mari ribut sekali tumbang, macam keretalah Yang Berhormat Yang di-Pertua, ada harga RM40,000.00, ada RM400,000.00 ada RM4 juta, kereta jugak, boleh muat 5 orang jugak. Jadi ini benda yang kukuh, jadi hendak buat ini atas bukit ini kita berdepan dengan Lautan Cina, dalam setahun ribut mari sebulan, dua bulan semua ambil kira faktor-faktor ini yang buat kos itu mahal. Benda ini boleh tahan sampai 10 tahun tidak payah salin ini, insya-Allah, api dia itu, sayapun tidak reti ini teknikal, 'highly technical'. Alang-alang orang tidak berapa boleh buat hak begini, boleh, bubuh api itu atas bukit, tetapi tidak tahan lama, mari, tumbang, melayang kena atas kepala orang susah pulak. (KETAWA)

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Penjelasan Dato' Yang di-Pertua, tadak orang di situ melainkan orang cari burung saja adapun. Jadi bermakna JKR punya anggaran itu tidak wajar, adakah betul begitu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua, ini kita berdasarkan kepada anggaran yang dibuat oleh JKR, itu sahaja. Takkan kita boleh lari daripada situ.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Soalan Wakil Tanggol tadi, Dato' Yang di-Pertua, penjelasannya - JKR punya anggaran RM800,000.00 lebih yang naik jadi RM1.3 juta lebih itu bermakna dasar atas apa pulak. Adakah JKR tidak ambil kira takut jatuh atas kepala oranglah, jatuh atas kepala burunglah, atas kepala biawaklah, takut begitu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua, anggaran RM800,000.00 tidak betul, itu sahaja, tidak betul.

YANG AMAT MULIA TENGKU SRI PADUKA RAJA (Y.B. TENGKU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Tidak apalah Yang BERTHORMAT Mulia Yang di-Pertua, saya akan laporkan perkara ini kepada pihak Badan Pencegah Rasuah untuk siasatan selepas ini. Sekian, saya pergi ke soalan No. 3 -

Sila nyatakan nama sebuah masjid di Indonesia di mana satu derma berjumlah lebih kurang RM20,000.00 telah diberi oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang BERTHORMAT Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Terengganu telah memberikan bantuan kewangan bernilai RM20,000.00 kepada Panatia Pembangunan Masjid Al-Istiqomah Desa Cilimus, Jawa Barat.

YANG AMAT MULIA TENGKU SRI PADUKA RAJA (Y.B. TENGKU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Soalan tambahan - Saya difahamkan wang RM20,000.00 ini diberi secara tunai dan dihantar 'special delivery' oleh dua Pegawai Pengarah Unit Perpaduan Ummah dan juga Pegawai Penyelaras Agama Pejabat Menteri Besar kepada masjid ini. Apakah keistimewaan yang diberi kepada masjid ini sehinggakan wang itu tidak boleh dihantar secara melalui cek tetapi diberi melalui 'special delivery' ini?

26 April 1993

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tentulah berbeza kalau kita 'unjuk' tangan kita sendiri dengan kita hantar secara yang disebut oleh Yang Berhormat Tanggol. Bezanya ada, Yang Berhormat Tanggolpun arif dalam hal ini.

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA (Y.B. TENGGU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, soalan penghabisan - Saya juga difahamkan kedua-dua Pegawai ini telah diberi wang peruntukan RM2,500 seorang untuk hantar wang ini, tidak termasuk tiket kapalterbang itulah saya kata keistimewaan tadi. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Betullah Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Pegawai yang dua orang pergi ini, hendak makan, hendak minum, hendak tidur, tempat tinggal dan sebagainya takkan tidak beri pitih sesen. Tempat jauh, jemerang lautan Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA (Y.B. TENGGU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Terima kasih, terima kasih, sekian.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya persila Wakil Bukit Tunggul.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan pertama -

Kemalangan yang dihadapi oleh kaum nelayan semasa mencari nafkah selalunya berlaku di muara sungai. Apakah usaha-usaha pihak Kerajaan setakat ini telah dapat sekurang-kurangnya mengurangkan kemalangan seperti itu dari terus berlaku dan merugikan kaum nelayan?

YANG BERHORMAT DR. ABDUL WAHAB BIN NGAH: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan telah membuat banyak usaha untuk mengurangkan kemalangan di muara-muara, termasuklah menggali muara-muara supaya lebih dalam, supaya bot-bot itu dapat lalu dengan lebih baik dan dengan lebih selesa. Di samping itu juga, banyaklah lagi tanda-tanda yang kita buat untuk membuktikan Kerajaan bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah bot tenggelam di muara.



Kita pasang api di tepi pinggir muara itu untuk memudahkan nelayan-nelayan yang masuk waktu malam, waktu musim gelora umpamanya, waktu ini Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, memang tidak timbul masalah kemalangan di muara. Jadi apabila kita lihat tentang pertanyaan ini Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya kemalangan di muara berlaku sewaktu musim tengkujuh itupun tidak seberapa dan usaha Kerajaan ini bolehlah kita rasa banggakan. Cuba contoh kita lihat hari ini dah ada sebuah kapal besar di muara Kuala Terengganu menggalikan muara supaya lebih dalam lagi, memudahkan nelayan kita mencari haluan yang lebih baik. Begitu juga berhampiran dengan Pendaratan Ikan di Pulau Kambing kita mendalami kawasan itu bagi memudahkan bot-bot singgah di kawasan Pendaratan Ikan LKIM.

**YANG BERTHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI:** Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan tambahan - Saya rasa sekali lagi Saudara saya tidak menjawab soalan. Soalan saya - Adakah usaha setakat ini telah mengurangkan kadar kemalangan dari setahun ke setahun? Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DR. ABDUL WAHAB BIN NGAH:** Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya telah nyatakan bahawa kemalangan tidak begitu ketara, berlaku hanya musim tengkujuh, satu, dua sahaja. Kalau tahun lepas kita katakan berlaku satu, itupun kerana nelayan tersebut mahu menangkap ikan di musim tengkujuh dan botnya dilanggar ombak bukan kerana selain daripada itu. Kalau ianya pandai 'mengintai' kata orang Terengganu, insya-Allah dia tidak akan mengalami kemalangan itu. Jadi saya bayangkan sekiranya nelayan kita hati-hati semasa hendak memasuki kuala, muara, saya percaya ianya akan tidak berlaku kemalangan. Dan kita yakin bahawa kemalangan ini bukanlah perkara yang boleh kita sangka-sangkakan kadangkala di luar sangka.

**YANG BERTHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI:** Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan - Saya ingin mendapat statistik daripada Saudara Yang Berhormat - berapa banyakkah berlaku kemalangan di muara sungai di Terengganu bagi tahun 1990, 1991 dan 1992? Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Berhormat soalan itu berkehendak notis.

26 April 1993

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua, satu sahaja, tumpang sikit - Apakah khidmat, maklumat dan amaran yang diberi kepada nelayan-nelayan yang menggunakan muara di masa bahaya?

YANG BERTHORMAT DR. ABDUL WAHAB BIN NGAH: Yang BERTHORMAT Mulia Dato' Yang di-Pertua, biasanya dalam musim tengkujuh Jabatan Penyiaran selalu memberi maklum kepada nelayan tentang berapa tinggi ombak, berapa kuat angin itulah merupakan satu amaran ataupun maklumat yang disampaikan kepada kita semua untuk berhati-hati. Di samping itu juga kita daripada jabatan-jabatan telah juga bekerjasama untuk menasihatkan nelayan-nelayan ini supaya tidak pergi menangkap ikan waktu musim bergelora kerana ada bahaya yang boleh menyusahkan mereka.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Penjelasan sedikit Dato' Yang di-Pertua - Maksud saya khidmat maklumat dan amaran. Saya percaya radio, televisyen bagi, tetapi orang kelaut dia tidak bawa radio dan televisyen. Apakah kita buat 'flash' tanda maklumatkah dan sebagainya, adakah khidmat-khidmat amaran dan maklumat diberi.

YANG BERTHORMAT DR. ABDUL WAHAB BIN NGAH: Nelayan yang pergi ke laut musim gelora Yang BERTHORMAT Mulia Dato' Yang di-Pertua, ialah nelayan laut dalam lazimnya bukan nelayan tradisi jadi mereka ini mempunyai wireless, mereka boleh berhubung dengan pihak-pihak yang tertentu untuk mengetahui keadaan.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Yang biasa hak kandas di kuala itu bukan yang laut dalam, yang kecil-kecil ini.

YANG BERTHORMAT DR. ABDUL WAHAB BIN NGAH: Yang BERTHORMAT Mulia Dato' Yang di-Pertua, kadangkala kita lihat di langit gelap inilah waktu kata orang musim Angin Selatan ataupun Angin Barat, itu di luar jangka. Kalau mereka terperangkap dengan keadaan ini, apa yang kita boleh buat, terserahlah kepada mereka untuk menjaga dan berhati-hati tentang keadaan semasa.

YANG BERTHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan - Adakah Saudara Yang BERTHORMAT tidak menyedari bahawa statistik bagi tahun 1990 adalah 8

26 April 1993

kemalangan telah berlaku, 1991 - 11 dan 1992 - 13. Adakah Saudara tidak menyedari ini?

YANG BERTHORMAT DR. ABDUL WAHAB BIN NGAH: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua - sekarang kita telah mengorekkan kualala-kuala ini, sekarang. Jadi apabila kita mahu melihat kesan tentang angka-angka tadi pada masa yang lepas kita akan lihat tahun hadapan ataupun tahun-tahun berikutnya, selain daripada cara-cara lain yang kita boleh tolong nelayan-nelayan ini untuk mengatasi masalah itu.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah melewati bagi soalan, saya berhenti setakat ini.

26 April 1993

CADANGAN DI BAWAH SEKSYEN 30  
PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-  
PERINTAH TETAP DEWAN

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT: Yang Berhormat Dato' Yang diPertua, saya memohon izin untuk mencadangkan bagi menangguhkan persidangan Dewan bagi maksud merundingkan satu perkara yang tertentu dan mustahak bagi orang ramai di bawah Seksyen 30 Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

Boleh saya baca Dato' Yang diPertua -

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk Yang Berhormat. Sila bawa cadangan itu ke saya dulu.

CADANGAN MEMBAHAS PERKARA YANG TERTENTU DAN MUSTAHAK BAGI ORANG RAMAI ITU SECARA BERTULIS DI SERAH KEPADA YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan dewan ini selama setengah jam untuk minum teh.

DEWAN DI TANGGUHKAN PADA PUKUL 10.45 PAGI.

26 April 1993

PUKUL 11.15 PAGI

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat seke-  
lian, mesyuarat di sambung semula.

Ahli Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam telah membawa satu cadangan di bawah Seksyen 30 Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan yang ada di hadapan saya sekarang ini dan saya telah menileki sekejap tadi dan saya dapati cadangan ini tidak dapat saya terima. Saya tolak kerana ia telah luput masa berlaku dan perkara ini telah pun diambil perjalanan oleh Kerajaan menyelesaikannya.

CADANGAN INI DI TOLAK.

26 April 1993

PERLANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Duli Yang Maha Mulia Yang diPertuan Agong telah memberitahu kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu bahawa ada satu kekosongan Ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu untuk mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu Darul Iman.

Duli Yang Maha Mulia Sultan telah menitah supaya diadakan pemilihan Ahli Dewan Negara dalam persidangan Dewan Undangan hari ini. Oleh itu Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini dikehendaki memilih seorang Ahli menurut Perkara 45(1)(a) Perlembagaan Malaysia mengikut Jadual Ketujuh. Maka dengan ini dengan segala hormatnya saya persilakan Yang Berhormat mengemukakan cadangan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di Pertua, saya mohon mengemukakan satu cadangan bagi pihak Kerajaan Negeri seperti berikut:-

BAHAWA DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG BERSIDANG PADA HARI INI BERSETUJU MEMILIH HAJI SALLEH @ HASSAN BIN ALI SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA UNTUK MEWAKILI DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN DI DALAM DEWAN NEGARA MALAYSIA MENURUT PERKARA 45(1)(a) PERLEMBAGAAN MALAYSIA BAGI MENGISI KEKOSONGAN.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang diPertua, saya ingin juga menyampaikan secara ringkas latar belakang mengenai Calon yang saya kemukakan untuk mewakili Dewan Undangan Negeri ini di Dewan Negara.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di Pertua, Haji Salleh @ Hassan bin Ali kini berusia 45 tahun. Sepanjang usia ini Haji Salleh @ Hassan telah menjalani kehidupan yang penuh berliku dan mencabar sekali.

Semasa di bangku persekolahan waktu menduduki Tingkatan dua di Sekolah Menengah Sultan Sulaiman Hassan Ali terpaksa meninggalkan alam persekolahan kerana kemiskinan keluarganya. Salleh @ Hassan terpaksa berkorban kerana memberi laluan persekolahan untuk kakaknya. Hassan terus berkecimpung dalam lapangan pekerjaan walau pun usianya masih muda. Pekerjaan Salleh @ Hassan silih bertukar ganti. Bekerja sendiri, menjadi pekerja kepada orang lain, berniaga dan beberapa pekerjaan lagi telah di ceburinya. Menyedari keadaan diri dan keadaan bangsanya terutama sekali yang di keliling dan

26 April 1993

setempat serta pengalaman pahit kemiskinan yang meragut peluangnya untuk meneruskan pelajaran Salleh @ Hassan telah menanamkan hasrat untuk memperbaiki diri dan sekaligus berazam untuk memperjuangkan nasib orang-orang sepertinya. Jesteru itu Hassan telah melibatkan diri secara terus untuk memarakan obor cita-citanya, dia menganggotai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu ringkasnya UMNO, dia bergiat dalam badan-badan Sukarela, sosial dan pendidikan. Tanpa rasa jemu Salleh @ Hassan bekerja terus. Dalam UMNO Hassan telah memegang jawatan-jawatan mencabar. Dia pernah menjadi Ketua Pemuda UMNO bahagian Kuala Nerus, Naib Ketua Pemuda UMNO Negeri Terengganu, Setiausaha UMNO bahagian Hulu Nerus, Setiausaha UMNO bahagian Kuala Nerus, Ahli Majlis Sukan Pemuda UMNO Malaysia, Ahli Biro Antara Bangsa Pemuda UMNO Malaysia, Ahli Biro Kemiskinan Pemuda UMNO Malaysia, Setiausaha Pemuda UMNO Bahagian Hulu Nerus, Setiausaha Penerangan UMNO Negeri Terengganu, Pegawai Perhubungan Jawatankuasa Kerjasama UMNO Kelantan/Terengganu, Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Kuala Nerus, Ketua UMNO Cawangan Kolam, Mengabang Telipot, Timbalan Pengerusi Penyelaras UMNO Dewan Undangan Negeri Tepoh dan Pengerusi Operasi UMNO Bahagian Kuala Nerus. Manakala kegiatan dalam Badan Sukarela, Salleh @ Hassan pernah menjadi ExCo Gerakan Belia 4B Malaysia, Negeri Terengganu, Pengerusi Gerakan Belia 4B Malaysia kawasan Hulu Nerus, Naib Pengerusi Gerakan Belia 4B Malaysia kawasan Kuala Nerus, Naib Pengerusi PIBG Sekolah Kebangsaan Mengabang Telipot, Ahli Jawatankuasa PIBG Sekolah Menengah Agama Khairiah, ahli Jawatankuasa PIBG Sekolah Kebangsaan Bukit Tunggul, ahli Jawatankuasa Masjid Mengabang Telipot dan Ahli Jemaah Pengarah Peladang Maras, Batu Rakit. Itulah dia Salleh @ Hassan bin Ali.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang diPertua, berdasarkan kepada Jadual Ketujuh Perlembagaan Malaysia, maka saya serahkan surat pengakuan dari yang berkenaan memberi persetujuan untuk berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara sekiranya beliau dipilih.

Sekian saya kemukakan, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang diPertua.

YANG BERHORMAT HAJI MAZLAN BIN AWANG: Yang Berhormat Dato' Yang di Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

CADANGAN INI KEMUDIAN DIHADAPKAN KEPADA MESYUARAT DAN DIPERSETUJUKAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan ini saya mengisytiharkan Yang Berbahgia Haji Salleh @

26 April 1993

Hassan bin Ali dipilih menjadi ahli Dewan Negara mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu Darul Iman bagi mengisikan kekosongan itu.



26 April 1993

USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di  
Pertua, saya mohon mencadangkan -

Bahawa menurut Seksyen Kecil (3) kepada Seksyen 4 Akta Kumpulan  
Wang Pembangunan 1966 Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN  
bersetuju meluluskan tambahan peruntukan yang pertama daripada  
Kumpulan Wang Pembangunan untuk Perbelanjaan Rancangan Kerajaan  
Negeri bagi tahun 1993 bagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah  
ini:-

JADUAL

<u>MAKSUD</u>	<u>TAJUK</u>	<u>TAMBAHAN</u>
P.04	Pejabat Kewangan Negeri	RM497,000.00
	JUMLAH:	RM497,000.00

Sekian saya kemukakan, Yang Berhormat Tuan Yang diPertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUDA BIN MOHD: Yang Berhormat Dato' Yang di Pertua,  
saya mohon menyokong Usul itu.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Usul ini telah mendapat  
sokongan, sekarang saya buka untuk bahasan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang diPertua,  
saya ingin mengambil bahagian didalam usul yang dikemukakan oleh Yang  
Berhormat Wakil daripada Ladang.

Yang pertama, sepatutnya peruntukan tambahan ini tidak diminta kerana dalam  
Kertas Kerja yang saya lihat bahawa peruntukan itu pada peringkat awalnya  
telah pun pada dasarnya diluluskan dan dipersetujui oleh Ahli Majlis  
Mesyuarat Negeri pada bulan Februari 1992. Sepatutnya Belanjawan 1992  
baru-baru ini yang dibentang untuk '93 seharusnya memasukkan sejumlah  
tersebut untuk tujuan dan matlamat yang sama.

26 April 1993

Yang kedua, saya hendak bercakap dari sudut secara keseluruhan tinjauan, kerana pinjaman yang akan diberi atau peruntukan RM497 ribu itu adalah merupakan sebahagiannya pinjaman kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu untuk membina rumah-rumah kedai dikawasan Sungai Tong dan separuh yang lainnya adalah berbentuk pemberian. Apa yang saya hendak sentuh di sini ialah perkara yang berkait dengan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu. Kita semua arif sejak daripada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu ditubuhkan pada tahun 1965 sampailah kepada hari ini Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu tidak pernah berjaya untuk membayarkan hutang-hutang Kerajaan Negeri yang telah diberi kepada Perbadanan tersebut samaada hutang yang berbentuk modal, pokok atau pun faedah mengikut jadual yang ditetapkan. Sepanjang penelitian kita berdasarkan kepada Laporan-laporan yang dibuat maka sesungguhnya Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu telah gagal untuk membayar balik kepada Kerajaan segala pinjaman-pinjamannya. Sebab-sebabnya semua kita arif walaupun Kerajaan mengatakan bahawa Perbadanan ini telah mencatat keuntungan pada beberapa ketika yang kebelakangan ini tetapi kita percaya dan kita yakin bahawa keuntungan yang dicapai pada tahun-tahun kebelakangan ini masih tidak dapat menampung keseluruhan kerugian yang telah dialami sejak daripada ia mula di tubuhkan sampai sekarang ini. Saya tidak mahu menyentuh soal itu tetapi berdasarkan kepada prestasi kewangan dan perniagaan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu tidak boleh membantu Kerajaan di bidang kewangan walaupun pihak Kerajaan berkali-kali menyatakan bahawa Perbadanan ini tidak bertujuan dan bermatlamat untuk memberikan keuntungan dan pulangan kewangan kepada Kerajaan Negeri tetapi adalah untuk membantu Kerajaan di dalam memajukan dalam sektor-sektor kemasyarakatan dan sebagainya. Saya rasa daripada tahun 1965 sampai sekarang maka sudah jangka masa yang sudah terlalu lama yang sepatutnya kita memikirkan bahawa sektor-sektor kemasyarakatan itu tidak seharusnya dipikul dan dipertanggungjawabkan kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu yang menyebabkan dia mengalami kerugian yang begitu teruk dalam banyak perkara. Hutang Kerajaan yang tidak dapat di bayar sampai hari ini maka oleh sebab itu disebabkan bahawa walaupun dikatakan dahulunya ada keuntungan tetapi terpaksa membayar faedah atau membayar pinjaman-pinjaman daripada bank kerana dikatakan bahawa keuntungan atau faedah yang terpaksa dibayar kepada Bank adalah lebih tinggi berbanding dengan hutang-hutang yang telah dihutangkan oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu kepada Kerajaan. Oleh sebab itu saya rasa sampai masalah, sampai masa sekarang ini Kerajaan memikirkan satu cara bagaimana untuk mengatasi masalah ini, lebih baik kalau Kerajaan dalam keadaan-keadaan yang tertentu terpaksa melakukan sesuatu tindakan melalui Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu untuk kemajuan dan pembangunan negeri ini maka lebih baik berdasar kepada prestasi kewangan yang ada pada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu sepatutnya

26 April 1993

Kerajaan lebih baik menimbangkan cara yang lain, projek-projek, peruntukan-peruntukan baru yang hendak diberikan kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, kepada PMINT, sepatutnya tidak lagi dalam bentuk pinjaman, kerana pinjaman yang sudah ratus-ratus juta itu sampai sekarangpun masih satu sen tidak dapat dibayar oleh Perbadanan tersebut. Jadi pada masa akan datang ini kehadiran Kerajaan harus membuat satu dasar yang lain supaya Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu ini bila dapat wang daripada Kerajaan, wang yang dibagi oleh Kerajaan tidak dalam bentuk pinjaman tetapi diberi dalam bentuk pembiayaan sebab jika sekiranya diberi dalam bentuk pinjaman bukan sahaja modal yang kena di bayar oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu tetapi juga di bayar pula faedah dan faedah itu semuanya dalam bentuk tulisan atau dalam bentuk di atas kertas sahaja tetapi sebenarnya Perbadanan itu sampai sekarang masih lemah, dan masih tidak mampu membayar hutang-hutang Kerajaan itu. Jadi oleh sebab itu saya rasa tidak ada guna lagi kita memberikan peruntukan kepada Perbadanan ini dalam bentuk pinjaman kerana prestasi kewangan yang di hadapi oleh Perbadanan tersebut menunjukkan sampai setakat ini dia belum lagi berjaya dan mampu untuk membayar hutang-hutang tersebut. Sekian.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Ada sesiapa hendak bercakap lagi - kalau tidak ada saya minta pihak Kerajaan menjawab.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang diPertua, saya ucap terima kasih kepada Wakil Manir kerana memberi pandangan-pandangan beliau tadilah, saya ingat dia pun "knowledgeable" dia fahamkan di dalam "Public Account Committee", baguslah. Yang sebenarnya kalau kita pandang, kita kaji daripada prestasi Perbadanan ini, sejak akhir-akhir ini telah banyak hutang-hutang telah di bayar. Seperti Sungai Tong dibayar sejuta setahun dan banyak lagi hutang-hutang lain di bayar dengan secara kontra dan tidaklah benar Yang Berhormat Wakil Manir kata tidak bayar satu sen pun. Sni suatu "sweeping statement" ini tunjukkan dia tidak faham barangkali bila dia duduk dalam Committee ini...

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang diPertua, saya malas berbalah dengan Wakil Ladang ini, saya kata dia tidak bayar sesen lagi, dalam bentuk hutang dia tidak bayar lagi, tidak ada maklumat yang dia bayar, bayar hutang. Jadi dia hendak kata saya tidak faham itu dia pun kena tahu jugak saya faham tidak faham. Jadi saya cerita benda ini saya tidakkan hendak lapor walaupun saya duduk dalam Jawatankuasa Kewangan Negeri, tetapi saya tahu tidak ada bayaran. Jadi macam mana saudara kata ini statement tidak betul, tidak boleh bayar hutang, mengikut jadual tidak dapat dibayar.

26 April 1993

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang diPertua, dia pun naik itu jugak, ini nampak - Ini dia bayar ini mula tahun 88, penyata ini akan di "reflect" dalam kira-kira tahun 88, ini mula dibayar. Kalau kita hendak bercakap panjang fasal Sungai Tong, wujud Sungai Tong panjang di sini dalam Dewan, yang sebenarnya wujudnya projek Sungai Tong ini yang menyelamatkan berapa ribu nyawa manusia, pendapatan rakyat Terengganu apabila penutupan Bukit Besi dibuat berpuluh-puluh tahun dahulu. Jadi ini sebenarnya saya katakan dia kata tidak bayar satu sen ini tidak betul, dia bayar, ini akan reflect akan ada dalam kira-kira tahun 88 Yang diPertua.

USUL ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan suara terbanyak.

USUL INI DI TERIMA.

26 April 1993

RANG UNDANG-UNDANG

ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1993) 1993

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang diPertua, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1993 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang diPertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1993) 1993 DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang diPertua, saya memohon mencadangkan satu Rang Enakmen Perbekalan Tambahan (1993) 1993 di baca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk mendapatkan kuasa berkanun untuk membuat pembayaran tambahan tertentu bagi perkhidmatan awam negeri dalam tahun 1993 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan (1993) Tahun 1992.

Keterangan-keterangan lanjut mengenai permintaan ini bolehlah dirujuk kepada Kertas Bilangan 1/93 yang di bentangkan di Dewan ini.

Saya mencadangkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang diPertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

26 April 1993

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan -

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang diPertua, ahli-ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan. Sekali lagi saya mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk memperingatkan bahawa amanah yang diberi oleh rakyat kepada ahli-ahli Yang Berhormat ataupun wakil-wakil rakyat itu walaupun ada nilai dan harganya mestilah juga diberi pengiktirafan dan penyertaan di dalam menjustifikasikan kehadiran dan pemilihan.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang diPertua, kita berkebetulan dan bernasib baik Negeri Terengganu telah pun dijadikan tuan rumah kepada Seminar Sistem Berparlimen baru-baru ini dan saya tertarik dengan beberapa saranan yang mengatakan bahawa khususnya yang diberi oleh Yang Berhormat Speaker Dewan Rakyat yang memperjelaskan fungsi dan peranan ahli-ahli yang dipilih ataupun Wakil-wakil Rakyat dan di mana pembahagiannya, pembahagian kuasa dan peranan pilihanraya dan terpilihnya seseorang Wakil Rakyat itu dan dengan kenaikan pemberian kepada wakil-wakil rakyat yang dicadangkan tambahan pada hari ini selayak dan sewajarnya supaya dalam konteks perwakilan kepada rakyat diberi pengiktirafan samaada ianya daripada kalangan Pembangkang ataupun daripada Kerajaan dan sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Tan Sri Speaker pada hari itunya supaya diketepikan pada masa itu, pada masa melaksanakan projek-projek dan program-program pembangunan supaya diadakan penglibatan tanpa mengambil kira, tanpa membeza-bezakan kerana setiap wakil rakyat itu adalah pilihan rakyat dan menjadi wakil kepada rakyat tetapi diskriminasi yang dilakukan di dalam pentadbiran dan pengurusan jentera Kerajaan yang mengeneipkan seratus peratus kehadiran dan tidak memberi keiktirafan kehadiran wakil-wakil rakyat daripada Pembangkang adalah suatu perkara yang menyalahi amalan demokrasi itu sendiri. Antara lain, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang diPertua, Majlis-majlis Tindakan Daerah yang diketepikan, yang disisihkan terus penyertaan Wakil-wakil Rakyat daripada Parti Pembangkang adalah suatu perkara yang jelas mengeneipkan pengiktirafan Wakil yang dipilih oleh rakyat dan begitulah juga di dalam sokongan-sokongan keperluan-keperluan dan kemudahan-kemudahan yang diperlukan setempat, yang diperlukan dalam kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri dan Parlimen yang dikuasai oleh Parti Pembangkang yang tidak diiktirafkan peranan, suatu perkara yang perlu kita lihat secara adil dan secara saksama demi kepentingan dan melepaskan tanggungjawab serta amanah yang telah diberikan kepada wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat.

26 April 1993

Yang kedua, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang diPertua, adalah disarankan juga suatu perkara yang saya rasa adalah baik dan terlalu baik iaitulah diubahkan Jawatan Setiausaha Dewan ini kepada satu jawatan yang tetap yang akan memberi bantuan kepada pengurusan dan pentadbiran jentera Dewan dan tidaklah diambil daripada kumpulan perjawatan umum yang akan berpindah mengikut kesesuaian kenaikan pangkat dan perubahan perjawatan dan jika sekiranya jawatan itu diberikan satu jawatan untuk Dewan ini sendiri yang khusus yang akan mendapat kepakaran ataupun "professionismanya" maka suatu perkara yang akan menguntungkan Dewan ini sendiri dan begitulah juga kelengkapan kepada Dewan ini sendiri untuk kita Wakil-wakil Rakyat ini tidaklah bercakap semata-mata untuk melepaskan geram tetapi kita akan bercakap dengan fakta-fakta yang tetap, dengan isu-isu yang baik dan bukanlah semata-mata yang datang daripada Pembangkang semuanya tidak baik dan begitulah juga yang datang daripada Kerajaan semuanya dibangkang, ini bukan konsep demokrasi yang kita hendak amalkan. Oleh yang demikian Dato' Yang diPertua, saya merasakan adalah wajar supaya Dewan yang mulia ini tidak sepertimana yang dibangkitkan oleh salah seorang daripada peserta pada hari itu tidak ada guna kita adakan kecanggihan pentadbiran kerana Dewan ini bersidang dua, tiga kali setahun sahaja. Ini bukan isu, sepatutnyalah Dewan ini dijadikan Dewan ataupun forum di mana kita membincangkan isu-isu semasa, isu-isu yang diperlukan oleh Negeri dan bukanlah semata-mata untuk memenuhi keperluan Undang-Undang yang mesti diadakan paling kurang enam bulan sekali. Banyak perkara-perkara yang hendak diluahkan, banyak isu-isu yang hendak diperbincangkan tetapi masa yang diadakan terlalu terhad untuk wakil-wakil rakyat mengemukakan pandangan-pandangan, saranan-saranan dan janganlah pihak Kerajaan memikirkan apa jua yang datangnya daripada pembangkang ini tidak baik walaupun kaedah penerimaan semasa dikatakan tidak baik kerana datangnya daripada musuh kita tetapi suatu perkara yang mestilah diadakan sebagai penilaian semula dan konsep amalan sistem berparlimen juga Dato' Yang diPertua, yang mana-mana Akta dan Usul mestilah diterima sebagai prosedur yang biasa. Patutlah kita mengadakan review supaya apa yang dikemukakan kepada Dewan ini tidak semestinya diluluskan dengan serta merta pada Dewan itu jika sekiranya di atas perbahasan-perbahasan dan pandangan-pandangan yang diberi maka pada keseluruhannya dinilai ianya perlu difikirkan, diberikan masa untuk dilanjutkan perbahasan dan untuk dipanjangkan perbincangan sama ada diperingkat teknikal ataupun sebagainya maka sesuatu usul dan undang-undang itu bolehlah dalam keadaan yang sedemikian ditawakofkan ataupun diberi masa supaya ahli-ahli Dewan ini dapat memberi pandangan-pandangan yang baik, dapat memberi kajian-kajian ke atas sesuatu isu yang baik dan dengan itu juga dicadangkan pada hari Seminar itu supaya Dewan mempunyai satu Khutubkhanah, satu Library yang lengkap dan baik dan satu simpanan maklumat yang baik supaya apa sahaja persoalan yang ditanya dapat diberi jawapan dengan baik, dengan baik dan praktikal dan tidaklah

26 April 1993

apa jua soalan yang difikirkan tidak menguntungkan pihak Kerajaan ditolak soalan itu dan apakah dia soalan-soalan ini berulang kali maka kita dapat ketahui sendiri orang yang hendak buat soal dan yang hendak menjawab dengan adanya sistem penyimpanan maklumat oleh Dewan itu sendiri dengan itu akan sendirinya meningkatkan prestasi dan meningkatkan keupayaan ahli-ahli Dewan untuk melayakkan mereka dibayar elaun yang ditinggikan pada hari ini. Sekian Dato' Yang diPertua ucapan saya. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih, baru balik Seminar. Ada lagi yang hendak bercakap - tidak ada, saya persila pihak Kerajaan membuat jawapan.

**YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang diPertua Dewan, saya ucap terima kasih kepada ahli Batu Buruk yang telah membuat beberapa teguran dan saya suka menyatakan bahawa apa yang telah dibuat oleh Speaker dalam Seminar tersebut barangkali tegoran bukan kepada Kerajaan Negeri tetapi boleh jadi ke Kelantan kerana pilih kasih dalam beberapa sebab. Sebab kita dari segi kepartian kita tidak ambil hirau sangat, banyak Imam-imam dan Bilal-bilal daripada kalangan PAS pun kita lantik tetapi tidak sebagaimana yang berlaku di Kelantan, barangkali teguran ini ekoran daripada Laporan-laporan yang telah dibuat sebagaimana yang kita ketahui.

Soal kedua, saya bersetuju bahawasanya apa yang dikatakan baik kita sokong, walau daripada mana pihak sekalipun dan ini telah menjadi amalan Kerajaan. Sebagai satu contoh bila Pembangkang membawa satu usul supaya diadakan satu Jawatankuasa Perpaduan, Kerajaan memberi sokongan yang kuat tetapi jarang lagi kita minta apa jua usul yang baik yang dikemukakan oleh Kerajaan Pembangkang tidak ...

**YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG:** Penjelasan, Dato' Yang diPertua, saya minta penjelasan sedikit - Saya pun ucapkan ribuan terima kasih di atas penubuhan Jawatankuasa yang saya cadangkan dan diterima dengan baik tetapi dukacita ianya tidak dicergaskan.

**YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR:** Tuan Yang diPertua, apa yang saya sebut dan telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, apa yang dikemukakan oleh Pembangkang tidak diterima. Saya baktikan bahawa mana yang baik, yang untuk kebaikan seluruh rakyat kita terima, sebagaimana satu contoh. Soal berjalan tidak berjalan ini soal yang kedua. Jadi sebab itulah kita harap Jawatankuasa ini akan berjalan dengan baik dan kita harap Pembangkang juga mana-mana juga Usul yang baik, untuk rakyat, untuk agama dan untuk negara akan juga mempunyai sikap yang sama untuk menyokong bagi pihak Kerajaan...



26 April 1993

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Dato' Yang diPertua, penjelasan - Pembangkang juga menyokong Kerajaan dalam tindakannya yang berkait dengan Pelabuhan Kemaman, jadi nampaknya sama-sama.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: ... Terima kasih atas sokongan tapi bila mengundi tidak angkat tangan... (KETAWA)... Saya juga bersetuju dengan Ahli daripada Batu Burok supaya kita bercakap biar ada benda, jangan bercakap kerana timbul dari rasa iri hati, dengki, marah dan sebagainya kerana saya kasihan ke orang-orang macam ini, kalau Kerajaan buat betul kita cuba hendak cari apa salah dia, memang tidak dapat. Sebab itu saya bimbang kalau orang mati takut "mati beragam" sebab orang ini lebih susah daripada Kerajaan, dia memikir sudah apa perkara bentuk yang akan kemukakan kepada Kerajaan, jadi sebab itulah kita berharap dia bila datang hendaklah kemukakan satu-satu perkara yang menasabah, yang boleh diterima dan kita datang dengan kepala yang luas, dada yang lapang supaya sesuatu yang bersangkutan dengan rakyat dapat kita atasi dengan baik.

Begitu juga Yang Berhormat daripada Batu Burok membangkitkan banyak soalan-soalan yang ditolak kecuali yang memberi keuntungan. Saya kata ini satu kelemahan daripada setengah-setengah Ahli Dewan terutama sekali Pembangkang yang tidak membaca Aturan dan Peraturan ini, cara-cara membuat soalan, mana-mana yang telah dibuat tetapi dalam tindakan Jawatankuasa mesti ditolak dan banyak perkara-perkara lagi. Apa yang telah dibuat, saya percaya, oleh Yang diPertua berpandu kepada buku ini. Jadi banyak soalan-soalan yang berlawanan ...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Dato' Yang diPertua, penjelasan - Soalan saya menepati Peraturan, tetapi Kerajaan tidak bersedia hendak jawab, kerana soalan saya senang sahaja - Apakah perkara-perkara yang tidak dijadualkan, yang diberi oleh Kebawah Duli yang hendak dibatalkan itu, dalam konteks Rules dan Prosedure.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTER BESAR: .. Tuan Yang diPertua, segala apa yang dibuat adalah berpandu kepada Aturan dan Peraturan. Jadi, saya suka menjaminkan bahawasanya apa jua pandangan daripada orang ramai terutama sekali Ahli-ahli Dewan yang boleh memberi keuntungan kepada Kerajaan, kepada rakyat, Kerajaan sedia menimbang pada bila-bila masa sekalipun kerana kita percaya bahawasanya Kerajaan merupakan satu kumpulan yang kecil dan tentulah manusia banyak kekurangan, apa jua pendapat yang baik kita senantiasa dan bersedia untuk memberi pertimbangan.

Tuan Yang diPertua, sekianlah penjelasan saya atas perkara yang telah dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Buruk dan saya mencadangkan supaya cadangan Enakmen ini diterima.

26 April 1993

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1993) 1993 DIBACA KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1993) 1993 TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN SUARA TERBANYAK TANPA PINDAAN.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang diPertua, saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada apa-apa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang diPertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1993) 1993 DIBACA KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 1 Tahun 1993.

26 April 1993

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Mulia Yang diPertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya tangguhkan Persidangan Dewan kepada satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

PERSIDANGAN DEWAN TAMAT PADA PUKUL 11.50 PAGI.

---

DICETAK OLEH PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN KUALA TERENGGANU  
1993